



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN MURAL 3D DARIPADA  
PENUTUP BOTOL

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**22 SEPTEMBER 2018 (SABTU)**  
**9.00 PAGI**

**LOBI MENARA MPSP  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd. Fauzi Bin Sedon @ M. Dom**  
Pensyarah  
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai dari Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Mural 3D Daripada Penutup Botol dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Terlebih dahulu, saya mewakili Majlis Perbandaran Seberang Perai mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd. Fauzi Bin Sedon @ M. Dom dan pasukan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pihak UPSI terutamanya, di bawah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, telah menyatakan kesudian untuk bekerjasama dengan MPSP untuk menghasilkan empat (4) Mural 3D menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih di atas kesudian mereka untuk berkerjasama dengan MPSP dalam menghasilkan Mural 3D di Menara MPSP dengan menggunakan penutup botol minuman.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

UPSI telah banyak melibatkan diri dalam mendidik komuniti (masyarakat) dari segi pemindahan ilmu (*knowledge transfer*), memberi latihan dan kursus dan juga berkerjasama dengan masyarakat dalam pelaksanaan program. Salah satu daripada fokus projek adalah kehijauan alam sekitar di mana mereka mengoptimakan penggunaan sumber seperti tenaga manusia dan bahan-bahan buangan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kerjasama MPSP dengan pusat pengajian tinggi, seperti UPSI, jelas menunjukkan kaedah kreatif MPSP dalam *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *philosopher partnership*, MPSP telah berjaya bekerjasama dengan UPSI untuk menjayakan program-program seumpama ini dalam meningkatkan kesedaran di kalangan warga Seberang Perai dalam kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta pengurusan bahan buangan. Ini merupakan satu teladan yang baik dan saya amat berharap kerjasama dalam bentuk usahasama ataupun penajaan dapat ditingkatkan untuk tahun-tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih

banyak organisasi tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Program membuat Mural 3D di Menara MPSP merupakan usaha sama UPSI dengan MPSP. Projek ini diketuai oleh Profesor Dr Fauzi Sedon @ M.Dom dan ditaksirkan sebagai perkongsian visi kreatif berorientasikan "*Re-imagining Waste as a Resource*" yang merupakan cara kita melihat bahan buangan sebagai khazanah atau sumber dan boleh diubah suai atau dicipta menjadi sesuatu yang berkualiti. Ianya selari dengan konsep "*Smart Consumption*" MPSP iaitu 8R.

Tujuan program ini dijalankan adalah bagi mewujudkan kesedaran konsep 8R dan kepentingan '*smart consumption*' bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan di kalangan warga Seberang Perai. Program seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran tentang penggunaan semula (*reuse*) dan memberi impak secara *visual* kepada pelawat yang datang melihat dinding mural tersebut. "*Smart consumption*" merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat menjimatkan kos menguruskan sampah, menjaga alam sekitar dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pusat Pelupusan Sampah di Pulau Burung.

Bagi menjayakan penghasilan Mural 3D dari penutup botol, Majlis Pelancaran Pengumpulan Penutup Botol Minuman telah diadakan pada 25 Julai 2018 di Auditorium MPSP. Sebanyak 71,000 unit penutup botol minuman perlu dikumpulkan untuk penyediaan Mural 3D tersebut. Semasa majlis pelancaran ini sahaja, sejumlah 52,115 penutup botol pelbagai warna dan saiz telah berjaya dikutip. Sumbangan ini adalah daripada MPSP, komuniti, kilang, pengusaha pusat kitar semula dan sekolah.

Manakala pada 14 September 2018 pula, satu Majlis Penyerahan Pengumpulan Penutup Botol Minuman telah diadakan bertempat di lobi Menara MPSP. Jabatan dan Persatuan dalaman MPSP telah berjaya mengumpulkan sebanyak 31,294 penutup botol minuman dan jumlah keseluruhan penutup botol minuman yang telah berjaya dikutip hasil daripada MPSP, komuniti, kilang, pengusaha pusat kitar semula dan sekolah secara keseluruhannya ialah 93,577 penutup botol, melebihi daripada sasaran asal. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan.

Program bersama sukarelawan untuk menyiapkan mural ini telah bermula semalam pada 21 September 2018 dan berterusan selama tiga (3) hari sehingga 23 September 2018. Sebanyak empat (4) Mural 3D berukuran 20' x 8' sedang disediakan dengan kerjasama dan penglibatan

300 orang sukarelawan setiap hari (900 orang sukarelawan secara keseluruhan) yang dibimbing oleh pihak UPSI. Para sukarelawan adalah terdiri daripada:-

- i. kakitangan UPSI;
- ii. pegawai dan kakitangan MPSP dari semua peringkat, wira-wira orange, wakil-wakil persatuan dalaman MPSP iaitu Puspanita, Pesuka, Permai, Kospema, Anulae dan lain-lain;
- iii. Syarikat-Syarikat Swasta termasuk kilang-kilang;
- iv. Sekolah-Sekolah,
- v. wakil-wakil komuniti,
- vi. badan bukan kerajaan (NGO); serta
- vii. orang awam.

Aktiviti penyediaan mural ini akan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari selama tiga (3) hari.

Mural 3D ini adalah berdasarkan gambar-gambar pemandangan terpilih di Seberang Perai dan akan diletakkan di dinding-dinding Menara MPSP yang boleh dilihat oleh pengunjung-pengunjung ke sini.

Penyediaan mural ini tidak melibatkan kos yang tinggi kerana bahan utama yang digunakan adalah tudung botol minuman terpakai yang dikumpulkan secara sukarela oleh wakil-wakil daripada semua lapisan masyarakat.

Saya juga, dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang telah berkenan hadir untuk menyerikan lagi Majlis Perasmian Penutupan Program Mural 3D yang akan diadakan pada 1 Oktober 2018. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir di Majlis Perasmian Penutupan Program Mural 3D memberikan makna yang cukup besar kepada kami semua.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Adalah diharapkan kerjasama warga Seberang Perai untuk turut bersama dalam menyiapkan Mural 3D dari penutup botol di Menara MPSP sejajar dengan sasaran MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022. Tema '**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetetif**' adalah Visi Seberang Perai 2018-2022 yang mengambarkan komitmen serta usaha yang digembung oleh MPSP.

Penekanan untuk mencapai Bandaraya Rendah Karbon adalah dengan menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada

1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada pihak UPSI atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Kepada para sukarelawan yang mendaftar diri untuk program pengumpulan penutup botol minuman, saya mengharapkan kesungguhan dan mendoakan kejayaan.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH dan dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Mural 3D Daripada Penutup Botol.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**